

## Corak Perbelanjaan Pekerja-Pekerja Kilang Di Paroi, Seremban dan Sungai Way, Selangor

### Spending Patterns of Factory Workers at Paroi, Seremban and Sungei Way, Selangor

JARIAH MASUD dan LAILY PAIM

*Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia,  
Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.*

Key words: Corak Perbelanjaan; Pekerja Kilang; Malaysia.

#### RINGKASAN

Satu kajian mengenai corak perbelanjaan 52 orang pekerja-pekerja kilang di asrama Perantau Paroi, Seremban dan Blok 8, Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah dijalankan dalam bulan Oktober-November 1980. Hasil kajian menunjukkan bahawa 80.7 peratus responden mempunyai pendapatan kurang daripada \$200 sebulan. Kumpulan ini berbelanja lebih kurang 21 peratus untuk makanan, 26 peratus untuk pakaian, 12 peratus untuk pengangkutan, 8 peratus untuk simpanan dan 14 peratus untuk membantu keluarga. Analisis statistik menunjukkan bahawa perbelanjaan ke atas makanan, simpanan dan keluarga bertambah mengikut pertambahan pendapatan. Amalan pengurusan kewangan responden dipengaruhi oleh kawasan tempat tinggal, pendapatan, taraf pelajaran dan pendapatan keluarga.

#### SUMMARY

A study on expenditure patterns of 52 factory workers in Asrama Perantau Paroi, Seremban and block 8, Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor was carried out in October-November 1980. The study indicated that 80.7 percent of the respondents had incomes less than \$200 per month. This group spent about 21 percent on food, 26 percent on clothing, 12 percent on transportation, 8 percent on saving and 14 percent on helping out with the family. Statistical analysis showed that expenditure on food, saving and family increased as the income increased. Money management practices of the respondents were influenced by location, income, educational level and family income.

#### PENGENALAN

Di Malaysia hari ini terdapat kira-kira 47,000 orang pekerja wanita yang bekerja di kilang-kilang dan lebih setengah dari jumlah ini terdiri dari gadis-gadis Melayu yang sebilangan besarnya berasal dari luar bandar (Jamilah Ariffin, 1979). Penghijrahan gadis dari desa ke bandar adalah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan untuk mendapatkan kebebasan diri. Hasil kajian Rohana (1980) menunjukkan bahawa kebanyakan gadis-gadis kilang mempunyai pendapatan antara \$100 hingga \$200 sebulan. Ini adalah masih di bawah paras miskin mengikut taraf hidup di Malaysia (Anon, 1980a). Dengan pendapatan yang kecil ini mereka terpaksa membayai makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan dan hiburan di samping membantu keluarga. Usaha ini menjadi

lebih sukar apabila mereka juga terpaksa menyeliakan diri dengan kehidupan di kota.

Hasil dari penyelidikan yang dijalankan ke atas pekerja-pekerja kilang di Shah Alam menunjukkan bahawa pekerja-pekerja yang berpendapatan kurang dari \$200 sebulan membelanjakan 30% untuk makanan dan kurang dari 20% untuk keperluan-keperluan lain seperti pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pelajaran, hiburan dan pengangkutan. Bagi mereka yang berpendapatan lebih dari \$200 sebulan mereka membelanjakan lebih dari 40% dari jumlah pendapatan untuk makanan dan mempunyai jumlah simpanan yang lebih tinggi (Anon, 1980b).

Cara seseorang membelanjakan wang dan membahagikan wang untuk kategori-kategori tertentu adalah penting kerana ia akan menentukan

Key to authors' names: J. Masud and P. Laily.

keselamatan dan kesejahteraan hidup. Perbelanjaan yang cukup untuk mendapat makanan seimbang, keadaan pakaian dan perumahan yang selesa, masa rehat yang sesuai akan mempengaruhi daya pengeluaran dan pemikiran individu. Masalah pengagihan pendapatan di kalangan kumpulan berpendapatan rendah perlu dikaji untuk meneliti setakat mana keperluan asas dapat dipenuhi. Satu kajian corak perbelanjaan pekerja-pekerja kilang telah dijalankan pada bulan Oktober-November 1980 di kalangan 52 orang pekerja kilang yang tinggal di Asrama Perantau Paroi, Seremban dan Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Sungai Way. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji corak perbelanjaan pekerja-pekerja kilang dan tingkahlaku mereka sebagai pengguna.

Sampel terdiri daripada semua penghuni yang masih belum berkahwin iaitu 80 orang dari Asrama Perantau dan 53 orang dari Blok 8 Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Sebanyak 135 borang soalselidik telah dibahagikan kepada sampel untuk diisikan sendiri. Tujuan-tujuan kajian juga diterangkan kepada sampel sebelum soalselidik diberikan. Responden diberi masa satu minggu untuk mengisi borang soal-selidik tersebut. Di akhir tempoh yang diberi, sebanyak 30 borang soalselidik telah dikutip semula dari Asrama Perantau dan 22 borang soalselidik dari Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iaitu hanya 40 peratus dari jumlah borang soalselidik yang telah dibahagikan. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisis secara manual dan statistik asas seperti kekerapan, purata dan chi-square digunakan.

## HASIL KAJIAN

### *Latarbelakang Responden*

Responden dalam kajian ini terdiri dari gadis-gadis yang berumur antara 16 hingga 17 tahun. Terdapat 24 orang (46.2%) berumur antara 16-19 tahun, 23 orang (44.2%) berumur antara 20-23 tahun dan 5 orang (9.6%) berumur antara 24-27 tahun. Data ini jelas menunjukkan bahawa responden di dalam kajian ini adalah golongan muda

Jadual 1  
Taraf Pendidikan Responden

Taraf Pendidikan	Jumlah (n = 52)	Peratus
SPM/MCE	28	53.8
SRP/LCE	21	40.4
Sekolah Rendah	3	5.8

yang baharu tamat persekolahan Tingkatan V atau III. Taraf pelajaran mereka dapat dilihat dalam Jadual 1.

Hasil kajian ini sejajar dengan hasil kajian Jamilah (1979) yang mendapat kebanyakan gadis kilang mempunyai kelulusan dan terpaksa berhijrah ke bandar mencari pekerjaan untuk membantu keluarga (4). Lebih kurang 80% responden (42 orang) dalam kajian ini datang dari keluarga berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan. Kebanyakan ketua keluarga mereka terdiri dari petani (61.5%). Keadaan ini menjadi lebih serius lagi apabila didapati seramai 71.2% responden mempunyai adik beradik lebih dari 6 orang. Semua responden dalam kajian ini berasal dari daerah luar dari kawasan mereka bekerja.

Purata umur yang rendah adalah sejajar dengan lama bekerja. Seramai 33 orang (63.5%) responden baru bekerja antara 1-12 bulan, 23.1% telah bekerja antara 13-24 bulan dan hanya 6 responden (11.5%) yang telah bekerja lebih dari 24 bulan (seorang responden tidak menjawab soalan ini). Lama mereka telah bekerja akan menentukan jumlah pendapatan yang diterima (Jadual 2).

Jadual 2  
Taburan Pendapatan Responden

Pendapatan Sebulan (\$)	Jumlah (n = 52)
< 100	2 ( 3.8%)
100 – 200	40 (76.9%)
201 – 300	7 (13.5%)
301 – 400	2 ( 3.8%)
Tiada jawapan	1 ( 1.9%)

Sebilangan besar responden berpendapatan antara \$100-\$200 sebulan, terdapat juga mereka yang berpendapatan kurang dari \$100. Cuma 9 orang (17.3%) sahaja yang berpendapatan lebih daripada \$200 sebulan. Seramai 63.5% responden tidak suka dengan pekerjaan ini kerana pendapatan yang rendah.

### *Corak Perbelanjaan*

Responden terpaksa membahagi-bahagikan jumlah pendapatan yang kecil ini untuk perbelanjaan yang perlu dipenuhinya. Purata perbelanjaan responden untuk makanan dalam kajian ini adalah \$40.04. Responden yang berpendapatan \$100-\$200 berbelanja sebanyak \$35.20 sedangkan mereka yang berpendapatan lebih tinggi berbelanja lebih untuk makanan (Jadual 3).

## CORAK PERBELANJAAN PEKERJA-PEKERJA DI KILANG

**Jadual 3**  
Purata Perbelanjaan Makanan Mengikut Pendapatan

Pendapatan sebulan (\$)	Purata Perbelanjaan (\$/bulan)	Responden n
< 100	32.50	2
100 – 200	35.20	40
201 – 300	63.30	7
301 – 400	70.00	2

Purata perbelanjaan: \$40.04

Melihat dengan lebih dekat tentang perbelanjaan makanan, seramai 45 orang (86.5%) membuat peruntukan untuk makanan basah dan 46 orang (88.5%) membuat peruntukan untuk makanan kering. Walau bagaimanapun cuma 27 responden (60%) dari mereka yang membuat peruntukan makanan basah, mendapati peruntukan itu mencukupi, sedangkan yang lainnya mendapati peruntukan itu tidak mencukupi. Sementara itu cuma 29 (63%) dari mereka yang membuat peruntukan makanan kering mendapati peruntukan itu mencukupi. Seramai 20 responden (38.5%) menyatakan perbelanjaan untuk makanan yang mereka buat tidak mencukupi untuk keperluan diri sendiri. Sebilangan besar responden (lebih dari 55%) membuat perancangan dan melaksanakan rancangan pembelian mereka.

Sebanyak \$41.32 dibelanjakan untuk pakaian oleh 38 responden. Secara keseluruhan mereka yang berpendapatan rendah berbelanja lebih rendah dari mereka yang berpendapatan lebih tinggi. Seramai 20 responden yang berpendapatan \$100-\$200 membelanjakan \$39.20 manakala 11 responden yang berpendapatan \$201-\$300 membelanjakan \$51.70 untuk pakaian. Seramai 34 (63.4%) responden membuat peruntukan bagi pakaian yang secara keseluruhannya adalah tinggi dibandingkan dengan pendapatan mereka. Seramai 61.5% responden menyatakan bahawa perbelanjaan untuk pakaian mereka mencukupi sedangkan yang lain (38.5%) menyatakan perbelanjaan untuk pakaian mereka tidak mencukupi. Cuma 27 (51.9%) responden merancang pembelian pakaian mereka sedangkan yang lain membeli tanpa merancang. Faktor keperluan merupakan faktor utama pembelian pakaian diikuti oleh faktor kesesuaian, harga, rakan dan iklan.

Kajian ini menunjukkan bahawa responden tidak membuat peruntukan (perbelanjaan) yang

tetap/tentu untuk hiburan. Mereka selalunya menghabiskan masa dengan menonton TV, membaca dan bersiar-siar, iaitu aktiviti yang tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak. Dalam aspek pengangkutan, perbelanjaan ini tidak penting di kalangan responden. Sebilangan besar responden berbelanja antara \$4-\$20 untuk pengangkutan ke tempat kerja dan balik kampung. Kesemua responden dalam kajian ini menggunakan pengangkutan awam.

Simpanan cuma dapat dipertimbangkan oleh responden dalam kajian ini setelah semua perbelanjaan lain diselesaikan. Seramai 65.4% responden membuat peruntukan simpanan berjumlah antara \$10-\$100 sebulan. Purata simpanan bulanan adalah \$20.65 yang disimpan di pejabat pos atau secara ‘bermain kutu’. Kebanyakan mereka menyimpan untuk kegunaan masa hadapan dan juga masa kesempitan wang. Ini sejajar dengan keadaan pekerjaan yang tidak terjamin. Cuma 18 (34.6%) responden memiliki insuran yang disediakan oleh pihak kilang melindungi mereka dari bahaya-bahaya pekerjaan, kemalangan dan kecederaan. Usaha untuk memperbaiki keadaan ekonomi keluarga adalah satu faktor yang mendorong anak muda bekerja. Seramai 78.8% responden membantu keluarga mereka setiap bulan walaupun 21.1% yang lain akan membantu apabila kedapatan lebihan wang. Jumlah bantuan adalah antara \$10 hingga \$100 sebulan. Purata bantuan bulanan bagi semua responden adalah \$28.63. Semangat untuk membantu adalah kuat di mana 65.4% responden masih tidak berpuas hati dengan bantuan yang diberikan. Terdapat 80.8% responden bercadang untuk menambahkan lagi bantuan yang diberikan.

**Jadual 4**  
Purata Perbelanjaan Bulanan Mengikut Pendapatan

Item	Pendapatan	
	\$200 (n = 35)	\$200 (n = 16)
Makanan	\$32.41(21.0)	\$60.23(24.3)
Pakaian	\$39.26(25.3)	\$46.36(18.7)
Pengangkutan	\$18.29(11.8)	\$13.80( 5.6)
Simpanan	\$12.94( 8.4)	\$39.29(15.9)
Bantuan untuk keluarga	\$22.29(14.4)	\$42.50(17.2)

( ): Peratus perbelanjaan dari pendapatan

Jadual 4 menunjukkan bahawa perbelanjaan ke atas makanan merupakan perbelanjaan yang penting terutama bagi responden yang berpendapatan \$200 ke atas. Kepentingan perbelanjaan makanan ini juga telah dibuktikan oleh kajian-kajian terdahulu yang dibuat oleh Cocker (1966), Britton (1968), Kok dan Cheong (1974) dan Anon (1980a).

Jumlah perbelanjaan makanan responden dalam kajian ini lebih rendah dibandingkan dengan Laporan Ekonomi 1979/80 yang menyatakan mereka yang berpendapatan kurang dari \$200 membelanjakan kira-kira 30% daripada pendapatan untuk makanan. Perbezaan ini mungkin ujuk disebabkan responden berkongsi di dalam persediaan makanan. Perbelanjaan untuk makanan mempunyai hubungan positif yang kuat dengan pendapatan ( $r = 0.69$ ). Mereka yang berpendapatan tinggi didapati membelanjakan wang yang lebih tinggi dari mereka yang berpendapatan rendah. Ini adalah selaras dengan hasil kajian Britton (1968).

Perbelanjaan pakaian adalah sebanyak 26% dari pendapatan bagi responden yang berpendapatan kurang dari \$200 dan 19% dari pendapatan responden yang berpendapatan lebih \$200. Walau bagaimanapun jumlah yang dibelanjakan oleh kumpulan kedua adalah lebih besar. Perbelanjaan lain secara keseluruhannya juga bertambah mengikut pendapatan.

Tingkahlaku pengguna dilihat dari dua aspek penting iaitu peruntukan dan perbelanjaan. Kiraan mata diberikan untuk mengukur pencapaian responden di dalam perbelanjaan. Kategori kiraan mata adalah 41-55 baik, 27-40 sederhana dan tidak baik bagi kiraan mata 12-26.

Seramai 19 responden termasuk di dalam kategori baik, 20 sederhana dan 13 tidak baik. Terdapat perbezaan signifikan antara kiraan mata responden di Paroi dan PKNS. Lebih ramai responden di Paroi berada di dalam kategori tidak baik (11 orang) berbanding dengan hanya 2 orang dari perumahan PKNS. Sedangkan di dalam kategori baik dan sederhana lebih kurang sama (Jadual 5).

Perbezaan ini juga secara tidak langsung dipengaruhi oleh pendapatan responden di mana kebanyakannya responden Paroi berpendapatan rendah sedangkan kebanyakannya responden PKNS berpendapatan lebih tinggi. Ujian statistik korelasi menunjukkan kaitan antara pencapaian kiraan mata dengan pendapatan, dengan nilai  $r = 0.36$ . Responden yang berpendapatan lebih tinggi menguruskan perbelanjaan mereka lebih baik dari responden yang berpendapatan rendah. Perbezaan taraf pelajaran telah menunjukkan perbezaan kiraan mata pengurusan. Seramai 12 (63.2%) daripada mereka yang mendapat kiraan mata baik terdiri daripada mereka berkelulusan SPM/MCE. Cuma 29.2% mereka yang berkelulusan SRP/LCE termasuk dalam kategori baik.

Selain dari itu didapati responden dari keluarga yang berpendapatan lebih tinggi mempunyai kiraan mata pengurusan lebih baik dari responden yang datang dari keluarga berpendapatan rendah. Ini mungkin disebabkan responden dari keluarga berpendapatan tinggi telah biasa menguruskan wang sendiri sedangkan kumpulan satu lagi tidak berpeluang berbuat demikian.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Masalah utama yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kilang yang dikaji adalah pendapatan yang

Jadual 5  
Kiraan Mata Perbelanjaan Mengikut Tempat

Tempat	Kiraan Mata			Jumlah N
	Baik	Sederhana	Tidak baik	
Paroi	9 (17.3)	10 (19.2)	11 (21.2)	30 (57.7)
PKNS	10 (19.2)	10 (19.2)	2 (3.8)	22 (42.3)
Jumlah	19 (36.5)	20 (38.5)	13 (25)	52 (100)

## CORAK PERBELANJAAN PEKERJA-PEKERJA DI KILANG

rendah dan tidak mencukupi. Dengan jumlah yang terhad mereka terpaksa membiayai perbelanjaan makanan, pakaian, pengangkutan, hiburan, simpanan di samping membantu keluarga di kampung. Kos hidup di bandar yang semakin meningkat dan pekerjaan yang tidak terjamin menambahkan tekanan ke atas pekerja-pekerja kilang ini. Secara keseluruhan pekerja-pekerja kilang yang dikaji mempunyai pengetahuan serba sedikit di dalam menguruskan perbelanjaan mereka. Walaupun cara pengurusan tidak berkesan, namun ujud usaha-usaha untuk menguruskan perbelanjaan. Adalah dicadangkan agar pihak-pihak tertentu dapat menyediakan program pendidikan tidak formal kepada golongan ini dalam bidang ekonomi keluarga dan pendidikan pengguna agar mereka dapat menjadi pengurus perbelanjaan yang efektif dan pengguna yang bijak di pasaran.

Selain dari saranan di atas, adalah dicadangkan pekerja-pekerja kilang bekerjasama dan mencari persefahaman agar dapat menukuhan satu pertubuhan yang boleh menjaga kepentingan mereka dari segi jaminan pekerjaan, pendapatan dan juga masa depan. Kajian lanjut mengenai corak perbelanjaan dan pengurusan di kalangan pekerja-pekerja kilang di Malaysia perlu dijalankan.

### RUJUKAN

- ANON, (1980a): "Masalah sosial gadis kilang di Masa Hadapan". Utusan Malaysia. Jan. 9, 1980.
- ANON, (1980b): Laporan Ekonomi. Kementerian Kewangan Malaysia, 1979/80.
- BRITTON, VIRGINIA. (1968): *Personal Finance*. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- COCKER, GWENDOLINE. (1966): *Plan Work and Enjoy Leisure*. London. J.M. Dent and Sons, Ltd.
- JAMILAH ARIFFIN, (1979): "Penghijrahan Wanita dari Desa ke Bandar dalam Pembangunan Perindustrian Malaysia – Adakah ini satu eksplorasi?" Seminar Wanita Masa Kini di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Mac.
- JAMILAH ARIFFIN, (1980): Industrial Development in Peninsular Malaysia and Rural Urban Migration of Women Workers: Impact and Implication. *J. Econ. Malays.* 1(1): 41-60.
- KOK, L.L. dan CHEONG, K.C. (1974): Income and Expenditure Patterns Among Ex-Serviceman Families at Kampong Jaya and Kampong Medan, Selangor. *J. Kajian Ekonomi Malaysia*. 9: 51-58.

*(Received 21 August 1982)*